

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



Komunikasi Korporat Kumpulan
Tingkat 31, Menara Bank Islam
No. 22 Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 2781 2998
www.bankislam.com.my

“AL-AWFAR BAHARU” BANK ISLAM BERI LEBIH PELUANG MENANG HADIAH LUMAYAN

Lebih 10,000 Pemenang, Lebih RM14 Juta Untuk Dimenangi

KUALA LUMPUR, Selasa, [16 April 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini meraikan ulang tahun ke-10 produk Al-Awfar dengan mengumumkan beberapa pembaharuan kepada produk tersebut. Dikenali sebagai “Al-Awfar Baharu”, akaun pelaburan ini memberi tawaran yang lebih menarik kepada para pelanggannya termasuklah peningkatan dalam jumlah nilai hadiah sehingga RM14 juta.

Pada tanggal 25 Mac 2009, Bank Islam telah mencipta sejarah untuk industri perbankan Islam di mana Bank menjadi perintis dalam menawarkan produk inovatif akaun pelaburan Al-Awfar yang pertama seumpamanya dengan tawaran hadiah yang menarik. Ia merupakan akaun pelaburan berisiko rendah yang berdasarkan konsep *Mudarabah* di mana dana Al-Awfar dilaburkan dalam portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap sedia ada bagi memastikan pelaburan yang kukuh. Al-Awfar bukan sahaja terbuka kepada individu, malah bukan individu – entiti perniagaan, persatuan, badan agama, sekolah, universiti, kelab dan pertubuhan juga layak membuka akaun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Sejak 10 tahun produk ini diperkenalkan, Al-Awfar telah melahirkan 23 orang jutawan. Dan sehingga kini, Bank Islam telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan. Kami mencapai rekod prestasi baik dengan saiz dana berjumlah RM2.45 bilion iaitu sebanyak 771,496 akaun. Dengan Al-Awfar baharu ini, kami menjangkakan peningkatan prestasi dana dengan sasaran pertumbuhan berjumlah RM800 juta serta 230,000 pelanggan baharu dalam tahun 2019 ini.”

“Berdasarkan sambutan yang memberangsangkan ini, kami mengambil keputusan untuk menambah baik produk ini. Kami memperbaharui struktur hadiah cabutan dan kami

meningkatkan jumlah nilai hadiah dari RM10 juta kepada lebih RM14 juta. Dengan kata lain, kami dapat mencari lebih ramai pemenang dan menawarkan hadiah-hadiah lebih lumayan” tambah beliau.

Hadiah untuk cabutan istimewa setengah tahunan berupa kereta Mercedes C200 Avantgarde, kereta Honda Civic, pakej percutian atau umrah, dan telefon pintar. Cabutan suku tahunan pula terbahagi kepada dua kategori iaitu Jutawan dan Al-Awfar Junior di mana pemenang berpeluang memenangi wang tunai bernilai RM1 juta manakala kategori Al-Awfar Junior untuk pelanggan yang berusia 18 tahun ke bawah berpeluang memenangi hadiah menarik jenama Apple seperti iMac, Macbook Pro, iPhone dan wang saguhati. Pelanggan juga berpeluang memenangi hadiah melalui cabutan bulanan berupa wang tunai.

Syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- 1) Baki purata bulanan sebanyak RM100.00 untuk layak bagi cabutan bulanan.
- 2) Baki purata selama tiga bulan sebanyak RM100.00 untuk layak bagi cabutan suku tahunan junior.
- 3) Baki purata selama tiga bulan sebanyak RM1,000.00 untuk layak bagi cabutan suku tahunan jutawan.
- 4) Baki purata selama enam bulan sebanyak RM10,000.00 untuk layak bagi cabutan setengah tahun.

Pada masa yang sama juga, Bank Islam masih meneruskan lagi cabutan bulanan kempen ‘Jom Pindah Gaji’ sehingga Disember 2019. Kami menawarkan jumlah nilai wang tunai RM100,000 kepada 13 pemenang setiap bulan. Pelanggan hanya perlu memindahkan gaji ke Bank Islam untuk layak menyertai cabutan ini yang terbuka kepada kakitangan kerajaan dan semua agensi di bawahnya.

Bagi pelanggan sedia ada dan baharu Al-Awfar, urusan tambah pelaburan dan buka akaun boleh dibuat menerusi perbankan Internet, kaunter cawangan Bank Islam dan mesin pengeluaran wang automatik (ATM) serta melalui mesin deposit tunai (CDM).

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimpholdings.com Web: www.bimpholdings.com
---	---